

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**SOALAN :**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- a) Bilangan pengundi-pengundi pos di luar negara pada PRU 2013 dan PRN Sarawak mengikut negara yang mereka berada dan kawasan Parlimen dan DUN;
- b) Langkah-langkah untuk memastikan perjalanan pengundian pos di luar negara adalah adil dan tidak dimanipulasikan.

**JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bilangan pengundi pos di luar negara pada PRU 2013 adalah 6,357 pengundi. Manakala, bilangan pengundi pos di luar negara pada PRN Sarawak Kali Ke-11 adalah 32 pengundi.
  
- b) Dalam memastikan pengundi yang layak untuk memohon undi pos luar negara, SPR telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia bagi memastikan hanya pemohon yang memenuhi syarat berada di Malaysia sekurang-kurangnya 30 hari dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pembubaran sesuatu Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri atau satu tarikh kekosongan Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri yang ditentukan oleh SPR.

Penggunaan Borang 2 atau Pengisytiharan Identiti yang merupakan satu langkah memastikan hanya pengundi yang sebenar dan berhak ke atas kertas undi menerimanya kertas undi pos dan penerimaan itu telah disahkan oleh seorang saksi yang dinyatakan dalam borang berkenaan. Ini dapat mengelakkan pengundian pos boleh dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.